

05/11/1997

Penapis udara di tempat sesak

PETALING JAYA, Selasa - Kerajaan merancang menggunakan alat penapis udara di kawasan sesak dan berpenduduk tinggi bagi mengurangkan kadar pencemaran udara di seluruh negara.

Menerusi konsep berkenaan yang dianggap pertama seumpamanya di rantau ini, alat penapis gergasi itu akan dipasang di persimpangan jalan raya atau perhentian bas - kawasan yang mencatatkan kadar asap melebihi paras selamat.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, berkata langkah itu dicadangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika mempengerusikan mesyuarat Kabinet, baru-baru ini.

Sehubungan itu, katanya, Malaysian Electric Corporation Berhad (MEC) diarah melaksanakan kajian terperinci berhubung pelaksanaan sistem canggih itu, termasuk menentukan kos dan keberkesanannya.

Menurutnya, MEC, yang sudah pun mengeluarkan unit penapis udara dalam bangunan, boleh menggunakan kepakarannya untuk mencipta penapis udara untuk kawasan terbuka.

"Saya juga sudah mengarahkan Jabatan Kimia, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Sirim Berhad mengkaji sistem terbabit," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Asia Pasifik: Menggabungkan Alam Sekitar dengan Teknologi, di sini hari ini.

Persidangan empat hari itu dianjurkan bersama Persatuan Amerika bagi Kejuruteraan Memanas, Menyejuk dan Mendingin Hawa (Ashrae) cawangan Malaysia, anggota sekutu Ashrae Singapura dan Institut Kejuruteraan Malaysia.

Law berkata, kajian awal oleh MEC mendapati sistem penapisan udara itu amat berkesan bagi kawasan tertutup, tetapi sedikit masa masih diperlukan untuk membangunkan teknologi sesuai untuk kawasan terbuka.

"Bagi kawasan dalam bangunan, sistem berkenaan boleh menapis sehingga 99 peratus habuk terampai yang diameternya lebih 0.5 mikron.

"Bagaimanapun, syarikat berkenaan masih mengkaji keberkesanan penggunaan penapis terbabit bagi kawasan terbuka, khususnya persimpangan jalan raya yang mencatatkan kadar emisi asap tinggi," katanya.

Beliau berkata, sistem itu boleh membantu mengurangkan kesan jerebu di ibu kota, dengan menapis habuk terampai yang dibawa oleh fenomena terbabit secara berkesan.

Law berkata, Dr Mahathir turut mencadangkan penggunaan papan iklan gergasi dijadikan alat penapis udara dengan memasang peralatan berkenaan pada bahagian belakang papan terbabit.

Menurutnya, oleh kerana kos dan penyenggaraannya yang tinggi, kementerian boleh meminta agensi pengiklanan membayar sebahagian daripada kos kerana mereka juga mendapat manfaat daripada papan iklan itu.

Ditanya sama ada ia terbukti berkesan di negara lain, beliau menjelaskan konsep terbabit dilaksanakan dengan berkesan di Amerika Syarikat dan beberapa negara Eropah.

"Perdana Menteri mencadangkan konsep itu selepas pulang dari luar negara," katanya.

Sementara itu Pengarah Urusan United Air Technologies, Bernard Loh Son Wah, berkata idea untuk menyediakan penapis udara sedemikian adalah berdaya maju kerana wujudnya teknologi murah sekarang.

"Kita boleh menggunakan penyaring air untuk membersihkan zarah terapung daripada menggunakan penapis yang lebih mahal dalam pembersih udara

dalaman," katanya yang juga Pengarah Projek Penghapus CFC (chloro-fluoro-carbon) negara.

Beliau berkata, teknik sedemikian kini digunakan di kilang besar dan industri tembakau.

(END)